

BAB EMPAT

BAB EMPAT

ANALISA DATA DAN LAPORAN HASIL KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab keempat ini merupakan penganalisan data-data berdasarkan kajian soal selidik yang melibatkan jumlah responden seramai 250 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar UiTM Shah Alam di peringkat diploma dan ijazah. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kefahaman dan penghayatan pelajar UiTM mengenai beberapa aspek penting dalam etika al-Ghazālī. Ia juga bertujuan untuk melihat sejauhmana faktor-faktor yang mendorong kepada penghayatan etika mereka bersesuaian dengan pandangan al-Ghazālī.

Di samping itu, bab ini juga menjelaskan profil sampel meliputi latar belakang dari segi jantina, umur, program pengajian, tempat penginapan semasa belajar dan jenis sekolah terdahulu. Data-data dalam borang soal selidik ini dianalisis dengan menggunakan system pemerosesan data SPSS dengan kaedah statistik.

Dalam bab ini juga penulis akan mengemukakan laporan mengenai hasil kajian yang dijalankan.

4.2 ANALISA DATA KAJIAN

Penulis akan melaporkan analisa data kajian yang meliputi empat bahagian. Bahagian A adalah maklumat tentang latar belakang responden, bahagian B menjelaskan kefahaman responden mengenai beberapa aspek penting tentang falsafah etika al-Ghazālī, bahagian C menjelaskan faktor-faktor yang mendorong kepada pembentukan etika di kalangan responden kajian, manakala bahagian D pula menjelaskan sejauhmana penghayatan dan pelaksanaan etika dalam kehidupan responden bersesuaian dengan falsafah etika sebagaimana yang digariskan oleh al-Ghazālī.

4.2.1 BAHAGIAN A : Profil Responden

Jadual 4.2.1(a) Jantina responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	102	40.8
Perempuan	148	59.2
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan jadual di atas seramai 250 orang responden terlibat dalam kajian ini. Jumlah pelajar perempuan ialah 148 orang (59.2%) manakala pelajar lelaki seramai 102 orang (40.8%).

Jadual 4.2.1(b) Program pengajian

Program	Frekuensi	Peratus	Program	Frekuensi	Peratus
AC	12	4.8	EE	20	8.0
AD	14	5.6	EM	20	8.0
AL	13	5.2	HM	13	5.2
AP	19	7.6	IS	16	6.4
AS	11	4.4	MC	13	5.2
BM	21	8.4	OM	17	6.8
CS	16	6.4	PA	11	4.4
EC	18	7.2	SU	16	6.4
			Jumlah	250	100.0

Sumber Soal Selidik 2002

Jadual di atas adalah jadual fakulti responden. Terdapat 16 fakulti yang dikaji dan setiap fakulti mempunyai perwakilan masing-masing. Sampel yang paling ramai ialah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (BM) iaitu 21 orang (8.4%), diikuti Fakulti Kejuruteraan Elektrik (EE) 20 orang (8.0%), Kejuruteraan Mekanikal (EM) juga 20 orang (8.4%), Senibina dan Ukur Bahan (AP) 19 orang (7.6%), Kejuruteraan Awam (EC) 18 orang (7.2%), Pengurusan Pejabat (OM) 17 orang (6.8%), Teknologi Maklumat (IS) 16 orang (6.4%), Sains Sukan dan Rekreasi (SU) 16 orang (6.4%), Sains Komputer (CS) 16 orang (6.4%), Senilukis dan Senireka (AD) 14 orang (5.6%), Pengurusan Hotel dan Pelancongan (HM) 13 orang (5.2%), Sebaran Am (MC) 13 orang (5.2%), Undang-undang (AL) 13

orang (5.2%), Perakaunan (AC) 12 orang (4.8%), Sains Gunaan (AS) 11 orang (4.4%) dan Fakulti Seni Persembahan (PA) 11 orang (4.4%).

Jadual 4.2.1(c): Umur responden

Pandangan	Frekuensi	Peratus
18 thn – 21 thn	138	55.2
22 thn –25 thn	108	43.2
26 thn ke atas	4	1.6
Jadual	250	100

Sumber: Soal Selidik 2002.

Jadual di atas menunjukkan responden yang paling ramai ialah berumur 18 tahun hingga 21 tahun iaitu seramai 138 orang (55.2%), diikuti yang berumur 22 tahun hingga 18 tahun seramai 108 orang (43.2%) dan 4 orang berumur 26 ke atas. Dapatan dari segi tahap umur menunjukkan responden adalah terdiri dari golongan remaja.

4.2.1(d) Tahap pengajian

Tahap	Frekuensi	Peratus
Ijazah	104	41.6
Diploma	146	58.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan jumlah responden dari peringkat Diploma adalah 146 orang (58.4%), manakala responden dari peringkat Ijazah adalah 104 orang (41.6 %).

Jadual 4.2.1 (e) Tempat Penginapan

Penginapan	Frekuensi	Peratus
Dengan keluarga	21	8.4
Asrama	160	64.0
Rumah sewa	69	27.6
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual 4.2.5(a) menunjukkan jumlah responden yang tinggal di asrama ialah 160 orang (64.0%), manakala yang menyewa rumah ialah 69 orang (27.6%) dan yang tinggal bersama keluarga ialah 21 orang (8.4%).

Jadual 4.2.1(f) Jenis sekolah terdahulu

Jenis sekolah	Frekuensi	Peratus
Sekolah berasrama penuh	37	14.8
Sekolah menengah biasa	186	74.4
Sekolah menengah agama	23	9.2
Sekolah Swasta	4	1.6
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas, pelajar yang berasal daripada sekolah menengah seramai 186 orang (74.4%), manakala dari sekolah asrama penuh seramai 37 orang (14.8%), dari sekolah menengah agama 23 orang (9.2%) dan sekolah swasta 4 orang (1.6%).

4.2.2 BAHAGIAN B : Kefahaman Responden Tentang Etika al-Ghazālī

Jadual 4.2.2(a) Sejauhmana mengenali al-Ghazālī

Kenal	Frekuensi	Peratus
Secara mendalam	9	3.6
Secara ringkas	236	94.4
Tidak pernah mengenali	5	2.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan jadual di atas dapat disimpulkan majoriti responden iaitu 236 (94.4 %) hanya mengenali al-Ghazālī secara ringkas sahaja. Mereka yang mengenalinya secara mendalam hanyalah seramai 9 (3.6 %) sahaja. Manakala 5 daripadanya (2.0%) menyatakan tidak pernah mengenali tokoh genius ini.


Jadual 4.2.2(b): Sejauh mana mengenali al-Ghazālī mengikut jenis sekolah

			Jenis sekolah dahulu				Jumlah
			Sek. asrama penuh	Sek. men. biasa	Sek. men. agama	Sek. swasta	
Kenal	Secara mendalam	Frekuensi % berbanding jenis sek.	3 8.1%	5 2.7%	1 4.3%		9 3.6%
	Secara ringkas	Frekuensi % berbanding jenis sek.	34 91.9%	176 94.6%	22 95.7%	4 100%	236 94.4%
	Tidak pernah mengenali	Frekuensi % berbanding jenis sek.		5 2.7%			5 2.0%
Jumlah		Frekuensi % berbanding jenis sek.	37 100.0%	186 100%	23 100%	4 100%	250 100.0%

Sumber: Soal selidik 2002

Melalui jadual di atas dapat dilihat bagaimana responden mengenali Imam Al-Ghazālī dengan mengambil kira sekolah terdahulu pelajar. Didapati bagi pelajar berasrama penuh, mereka yang mengenali al-Ghazālī secara mendalam adalah 8.1 % lebih besar peratusannya berbanding yang bersekolah agama iaitu 4.3 %. Manakala hanya 2.7% pelajar dari sekolah menengah biasa yang mengenali al-Ghazālī secara mendalam. Secara keseluruhannya bagi mana-mana sekolah pun kebanyakan sampel hanya mengenali al-Ghazali secara ringkas sahaja.

Rajah 4.2.2 (c): Sumber kenal al-Ghazālī



Sumber: Soal Selidik 2002

Carta pai di atas menunjukkan bahawa 130 (52 %) responden mengenali al-Ghazālī melalui guru-guru diikuti dengan mengenalnya melalui pembacaan seramai 109 (43.6 %). 11 (4.4 %) responden pula mengenalnya menerusi cara yang lain.

Jadual 4.2.2(d) : Persepsi mengenai makna etika menurut al-Ghazālī

Persepsi	Frekuensi	Peratus
Pengajaran ke arah membentuk perilaku terpuji	195	78.0
Mengikut kehendak naluri semulajadi	30	12.0
Ilmu mengenai psikologi	19	7.6
Tidak pasti	6	2.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Sebahagian besar responden menyatakan bahawa persepsi mereka terhadap makna etika menurut al-Ghazālī ialah pengajaran ke arah mendidik tingkah laku yang terpuji iaitu seramai 195 orang (78.0%), diikuti dengan mengikut kehendak naluri semulajadi iaitu 30 orang (12.0%) dan 19 responden (7.6%) memberi jawapan berkaitan dengan ilmu mengenai psikologi. 6 orang (2.4%) menyatakan tidak pasti.

Jadual 4.2.2(e) : Maksud pembersihan jiwa

Maksud	Frekuensi	Peratus
Menghindarkan diri dari akhlak buruk	217	86.8
Menghapuskan nafsu	18	7.2
Menjalankan aktiviti kebajikan	10	4.0
Tidak pasti	5	2.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Apabila ditanyakan maksud pembersihan jiwa dalam etika āl-Ghazālī, didapati majoriti responden iaitu 217 orang (86.8 %) memilih menghindarkan diri dari akhlak buruk. Manakala 18 (7.2%) menjawab menghapuskan nafsu dan 10 menjawab menjalankan aktiviti kebajikan. 5 orang (2.0%) memberi jawapan tidak pasti.

Jadual 4.2.2(f) : Aset utama dalam pembersihan jiwa

Aset	Frekuensi	Peratus
Ilmu dan amal	225	90.0
Keazaman dan kesungguhan	20	8.0
Kebijaksanaan akal fikiran	5	2.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Kajian mendapati 90 % atau 225 responden menyetujui bahawa aset utama yang mesti dimiliki oleh setiap individu Muslim untuk mencapai matlamat pembersihan jiwa dan membentuk amal soleh adalah ilmu dan amal. Seramai 20 (8 %) responden menyatakan aset utama tersebut adalah keazaman dan kesungguhan dan 5 (2 %) memilih kebijaksanaan akal fikiran.

Jadual 4.2.2(g) : Ilmu adalah ibadat hati

Pandangan	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	1	0.4
Tidak setuju	1	0.4
Natural	32	12.8
Setuju	89	35.6
Sangat setuju	127	50.8
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat kebanyakan pelajar memahami bahawa ilmu adalah ibadat hati. Dalam hal ini mereka yang sangat bersetuju adalah seramai 127 orang (50.8%) dan 89 orang (35.6) menyatakan bersetuju. Selain dari itu 32 pelajar (12.8%) bersifat natural terhadap persoalan ini, manakala hanya 2 orang pelajar (0.8%) tidak bersetuju.

Jadual 4.2.2(h): Hubungan pelajar dengan guru umpama hubungan di antara ibubapa dan anak-anak.

Pandangan	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	2	0.8
Tidak setuju	14	5.6
Natural	73	29.2
Setuju	104	41.6
Sangat setuju	57	22.8
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002.

Jadual di atas berhubung dengan pandangan al-Ghazālī mengenai hubungan seorang guru dengan pelajar adalah seumpama hubungan ibubapa dengan anak-anak. Dapatan menunjukkan sebahagian besar responden iaitu 161 (64.4%) bersetuju dengan hakikat tersebut, 73 (29.2%) bersikap natural, manakala 16 (6.4%) tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.

Jadual 4.2.2(i): Sifat buruk menghalang perolehi ilmu yang bermanfaat

Pandangan	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	7	2.8
Tidak setuju	17	6.8
Natural	35	14.0
Setuju	90	36.0
Sangat setuju	101	40.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan seramai 101 (40.4 %) pelajar sangat setuju dan 90 (36 %) setuju dengan pandangan bahawa sifat buruk yang ada pada diri seseorang pelajar akan menghalangnya daripada memperolehi ilmu yang bermanfaat. 35 (14.0%) orang bersifat natural, manakala 24 orang (9.6%) menyatakan tidak setuju.

Jadual 4.2.2(j) : Rumusan terhadap etika al-Ghazālī


Rumusan	Frekuensi	Peratus
Menekankan kecemerlangan ilmu dan pemantapan akhlak	161	64.4
Mementingkan kesepaduan di antara rohani dan jasmani	84	33.6
Tidak pasti	5	2.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 161 orang (64.4%) memilih menekankan kecemerlangan ilmu dan pemantapan akhlak sebagai rumusan etika al-Ghazālī. Seramai 84 (33.6 %) memilih mementingkan kesepaduan di antara rohani dan jasmani. Manakala 5 orang responden (2.0%) menjawab tidak pasti.

4.2.3 BAHAGIAN C: Faktor-faktor pendorong penghayatan etika

Rajah 4.2.3(a): Orang yang paling berpengaruh membentuk perilaku



Sumber Soal selidik 2002

Carta pai menunjukkan sebahagian besar responden (60.8%) menyatakan bahawa ibu bapa adalah orang yang paling berpengaruh dalam membentuk perilaku seseorang. 57 orang (22.8%) menyatakan rakan sebaya dan 26 orang (10.4%) pula menyatakan guru-guru. Selain dari itu, 15 orang responden (6.0%) memberi jawapan lain-lain.


Jadual 4.2.3(b): Orang yang paling berpengaruh membentuk perilaku mengikut jantina

			Jantina		Jumlah
			Lelaki	Perempuan	
Individu	Guru/pensyarah	Frekuensi %berbanding jantina	13 12.7%	13 8.8%	26 10.4%
	Ibubapa	Frekuensi %berbanding jantina	58 56.9%	94 63.5%	152 60.8%
	Rakan sebaya	Frekuensi %berbanding jantina	27 26.5%	30 20.3%	57 22.8%
	Lain-lain	Frekuensi %berbanding jantina	4 3.9%	11 7.4%	15 6.0%
Jumlah		Frekuensi %berbanding jantina	102 100.0%	148 100.0%	250 100.0%

Sumber: Soal selidik 2002

Berpandukan jadual di atas menunjukkan responden lelaki dan wanita mempunyai pandangan yang sama bahawa ibubapa adalah golongan yang paling berpengaruh dalam membentuk tingkahlaku mereka dimana peratusan responden wanita ialah (63.5%) dan peratusan sampel lelaki ialah (56.9%). Walau bagaimana pun, dari segi peratusan dilihat responden wanita lebih tinggi sedikit daripada responden lelaki. Manakala rakan sebaya dilihat sebagai pendorong yang kedua besar pengaruhnya dalam mempengaruhi perilaku responden yang terlibat dalam kajian ini. Faktor ini dipersetujui oleh 26.5% di kalangan responden lelaki dan 20.3% di kalangan responden wanita. Peratusan menunjukkan bahawa responden lelaki lebih terpengaruh sedikit dengan tindakan rakan sebaya daripada responden wanita. Lain-lain faktor ialah para guru dan juga faktor-faktor lain.

Rajah 4.2.3(c): Pembimbing yang terbaik



Sumber Soal selidik 2002

Carta pai di atas ialah persoalan mengenai individu manakah yang dianggap paling berkesan dalam memberi bimbingan yang terbaik. Peratusan tertinggi iaitu 50% iaitu mewakili 125 responden bersetuju bahawa golongan ustaz dan ustazah merupakan pembimbing yang terbaik bagi mereka. Manakala 30% iaitu mewakili 75 responden bersetuju dengan pegawai kaunselor, 16% menjelaskan lain-lain individu seperti ibubapa dan rakan sebaya dan 4% memilih pengetua kolej.

Jadual 4.2.3(d) : Kemudahan paling berkesan

Kemudahan	Frekuensi	Peratus
Surau dan masjid	118	47.2
Penempatan dan kemudahan asrama	71	28.4
Bilik kuliah yang selesa	31	12.4
Lain-lain	30	12.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan 118 (47.2%) responden berpandangan bahawa surau dan masjid merupakan kemudahan yang paling berkesan dalam membentuk keperibadian. Manakala 71 orang (28.4%) menyatakan penempatan dan kemudahan di asrama. 31 orang (12.4%) menyatakan bilik kuliah yang selesa dan 30 orang (12.0%) menyatakan lain-lain.

Jadual 4.2.3(e) : Program Paling Berkesan

Jadual 18: Program paling berkesan

Program	Frekuensi	Peratus
Ceramah dan tazkirah	107	42.8
Aktiviti sukan dan bina insan	92	36.8
Subjek pendidikan Islam	40	16.0
Lain-lain	11	4.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memilih ceramah dan tazkirah sebagai program paling berkesan dalam membina etika dan akhlak pelajar iaitu dipilih oleh 107 (42.8 %) pelajar. Bagi aktiviti sukan dan bina insan 92 (36.8 %) pelajar menyatakan ia adalah program yang paling berkesan. Manakala 40 (16 %) pelajar memilih subjek pendidikan Islam.

Jadual 4.2.3(f) : Universiti sediakan kemudahan memuaskan

Memuaskan	Frekuensi	Peratus
Ya	140	56
Tidak	110	44
Jumlah	250	100

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas adalah penilaian responden mengenai kemudahan yang disediakan oleh universiti ke arah memantapkan program pembinaan etika pelajar. Dapatan menunjukkan 140 (56%) responden bersetuju bahawa pihak universiti telah menyediakan kemudahan yang memuaskan, manakala 110 (44%) daripadanya tidak bersetuju.

Jadual 4.2.3(g) : Pengaruh rakan sebaya

Pengaruh	Frekuensi	Peratus
Nilai yang baik	113	45.2
Nilai negatif	51	20.4
Tidak memberi sebarang pengaruh	86	34.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berpandukan jadual di atas, dapat dirumuskan pelajar yang menyatakan bahawa rakan sebaya lebih memberikan kesan yang baik adalah lebih tinggi berbanding memberikan kesan negatif. Dari jadual di atas juga, dapat dilihat mereka yang menyatakan rakan sebaya memberikan nilai yang baik seramai 113 (42.5 %), manakala 51 (20.4 %) menyatakan rakan sebaya memberikan nilai negatif. Selain dari itu, 86 (34.4 %) menyatakan rakan sebaya tidak meberikan sebarang pengaruh.

Jadual 4.2.3(h) : Pengaruh persekitaran sosial

Pengaruh	Frekuensi	Peratus
Sangat berpengaruh	22	8.8
Berpengaruh	172	68.8
Tidak berpengaruh	56	22.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa persekitaran sosial mempunyai pengaruh terhadap pelajar. Majoriti responden, iaitu seramai 194 (77.6 %) orang menyatakan ianya mempengaruhi diri mereka dan hanya 56 (22.4 %) sahaja yang menafikannya.

4.2.4 BAHAGIAN D: Penghayatan Etika

Jadual 4.2.4(a) Sentiasa menghiasi diri dengan akhlak yang baik

Pendapat	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	3	1.2
Tidak setuju	1	0.4
Natural	64	25.6
Setuju	98	39.2
Sangat setuju	84	33.6
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan jadual di atas, majoriti sampel iaitu 182 orang (72.8%) bersetuju bahawa mereka sentiasa menghiasi diri mereka dengan akhlak yang baik. Manakala 64 orang (25.6%) bersikap natural dan hanya 4 orang (1.6%) tidak bersetuju.

Jadual 4.2.4(b) Anda bijak mengawal kehormatan diri

Pendapat	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	1	0.4
Tidak setuju	3	1.2
Natural	72	28.8
Setuju	112	44.8
Sangat setuju	62	24.8
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas adalah respon pelajar terhadap persoalan tentang bagaimana mereka mengawal kehormatan diri. Dalam hal ini didapati majoriti responden iaitu 174 orang (69.6%) bersetuju bahawa mereka bijak mengawal kehormatan diri mereka. Manakala 72 orang (28.8%) bersikap natural dan 4 orang (1.6%) menyatakan tidak setuju.

Jadual 4.2.4(c) Minat terhadap majlis ilmu

Pendapat	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	1	0.4
Tidak setuju	8	3.2
Natural	119	47.6
Setuju	87	34.8
Sangat setuju	35	14.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan sikap pelajar terhadap majlis ilmu. Mereka yang menyatakan minat kepada majlis ilmu seramai 87 orang (34.8%), yang sangat berminat seramai 35 orang (14.0%), bersikap natural 119 orang (47.6%), manakala 9 sampel (3.6%) tidak berminat.

Jadual 4.2.4(d) Mengambil berat tentang ilmu *farq* ‘ain

Pendapat	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak setuju	3	1.2
Tidak setuju	6	2.4
Natural	84	33.6
Setuju	112	44.8
Sangat setuju	45	18.0
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual di atas menyentuh tentang sikap pelajar terhadap kepentingan ilmu *farq* ‘ain. Dapatan menunjukkan kebanyakan responden iaitu 112 (44.8%) menyatakan mereka mengambil berat tentang ilmu *farq* ‘ain, 84 (33.6%) bersikap natural, sementara 45 (18%) menyatakan sangat mengambil berat manakala 9 (3.6) tidak mengambil berat dalam persoalan ini.

Jadual 4.2.4(e) Kekerapan hadiri majlis ilmu

Pendapat	Frekuensi	Peratus
Sangat	8	3.2
Kerap	62	24.8
Kadang-kadang	166	66.4
Tidak pernah	14	5.6
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan kekerapan pelajar menghadiri majlis ilmu. Dapatan menunjukkan sebahagian besar iaitu 166 sampel (66.4%) menghadiri majlis ilmu secara kadang-kadang sahaja. Manakala sejumlah 62 sampel (24.8%) yang kerap menghadiri majlis ilmu dan hanya 8 sampel (3.2%) yang menghadirinya secara sangat kerap. Selain dari itu terdapat 14 sampel (5.6%) yang tidak pernah menghadiri majlis ilmu.

Jadual 4.2.4(F): Kekerapan hadiri majlis ilmu mengikut tahap pengajian

			Tahap pengajian		Jumlah
			Ijazah	Diploma	
Kekerapan	Sangat	<u>Frekuensi</u> %berbanding tahap	2 1.9%	6 4.1%	8 3.2%
	Kerap	<u>Frekuensi</u> %berbanding tahap	21 20.2%	41 28.1%	62 24.8%
	Kadang-kadang	<u>Frekuensi</u> %berbanding tahap	77 74.0%	89 61.0%	166 66.4%
	Tidak pernah	<u>Frekuensi</u> %berbanding tahap	4 3.8%	10 6.8%	14 5.6%
Jumlah		<u>Frekuensi</u> %berbanding tahap	104 100.0%	146 100.0%	250 100.0%

Sumber: Soal Selidik 2002

Dari jadual di atas dapat dibandingkan antara pelajar ijazah dan diploma dalam kekerapan menghadiri majlis ilmu. Dapat dilihat peratusan pelajar diploma agak tinggi berbanding pelajar ijazah dari segi kekerapan hadir ke majlis ilmu. Jika dilihat dari peratusan dapatan menunjukkan kehadiran sangat kerap di kalangan pelajar diploma ialah 4.1% berbanding 1.9% di kalangan pelajar ijazah dan kehadiran sangat kerap pula di kalangan pelajar diploma ialah 28.1% berbanding pelajar ijazah iaitu 20.2%. Sebaliknya, kehadiran secara kadang-kadang bagi sampel ijazah lebih tinggi dari sampel diploma iaitu 74.0% di peringkat ijazah dan 61.0% di peringkat diploma. Dapatan ini menunjukkan sampel di peringkat diploma lebih kerap menghadiri majlis ilmu daripada sampel di peringkat ijazah.

Jadual 4.2.4(g) Pelaksanaan solat lima waktu

Pendapat	Frekuensi	Peratus
Tetap dan di dalam waktunya	107	42.8
Jarang-jarang	44	17.6
Selalu lewat	97	38.8
Tidak pernah	2	0.8
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Jadual di atas ialah mengenai pelaksanaan solat lima waktu. Dapatan menunjukkan hampir sebahagian responden iaitu 107 (42.8%) mengerjakan solat lima waktu secara tetap dan di dalam waktunya. Manakala 97 daripadanya (38.8%) selalu lewat dan 44 (17.6%) jarang-jarang. Sementara itu 2 daripadanya (0.8%) tidak pernah solat.

Jadual 4.2.4(h) Pelaksanaan solat 5 waktu mengikut jantina

			Jantina		Jumlah
			Lelaki	Perempuan	
Kerjakan solat 5 waktu	Tetap dan di dalam waktunya	<u>Frekuensi</u>	42	65	107
		% berbanding jantina	41.2%	43.9%	42.8%
	Jarang-jarang	<u>Frekuensi</u>	19	25	44
		% berbanding jantina	18.6%	16.9%	17.6%
	Selalu lewat	<u>Frekuensi</u>	39	58	97
		% berbanding jantina	38.2%	39.2%	38.8%
	Tidak pernah	<u>Frekuensi</u>	2		2
		% berbanding jantina	2.0%		.8%
Jumlah	<u>Frekuensi</u>	102	148	250	
	% berbanding jantina	100.0%	100.0%	100%	

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas membincangkan perkara yang sama dengan jadual sebelumnya tetapi mengambil kira faktor jantina. Dari jadual dapat dilihat peratus pelajar perempuan yang solat secara tetap dan di dalam waktunya hanya berlebihan sedikit berbanding lelaki. Secara keseluruhannya, tiada perbezaan peratusan yang ketara bagi wanita dan lelaki dalam menunaikan solat samada mereka menunaikannya secara tetap dan di dalam waktunya, jarang-jarang dan selalu lewat.


Jadual 4.2.4(i) Kekerapan Melakukan Ibadat Sunat

Kekerapan	Frekuensi	Peratus
Sangat kerap	2	0.8
Kerap	34	13.6
Kadang-kadang	198	79.2
Tidak pernah	16	6.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan jadual di atas didapati kebanyakan responden melakukan ibadat sunat secara kadang-kadang iaitu 198 orang (79.2 %). Hanya 36 orang (14.4%) yang mengerjakannya secara kerap. Selain itu 16 (6.4 %) pula tidak pernah melakukan ibadat sunat.

Rajah 4.2.4(j): Hubungan dengan Pensyarah



Sumber: Soal Selidik 2002

Berdasarkan carta pai di atas didapati peratus atau jumlah pelajar yang mengakui bahawa mereka mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah adalah tinggi iaitu 207 (83 %) pelajar. Sementara itu, seramai 31 (12 %) pelajar menyatakan bahawa hubungan mereka dengan pensyarah adalah kurang baik.

Jadual 4.2.4(k) : Amalan memberi salam

Amalan	Frekuensi	Peratus
Ya	216	86.4
Tidak	34	13.6
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas ialah mengenai amalan memberi salam ketika bertemu pensyarah. Dapatan menunjukkan majoriti responden mengamalkan ucapan salam setiap kali bertemu pensyarah, iaitu seramai 216 (86.4%). Hanya 34 (13.6 %) daripada responden tidak mengamalkan ucapan salam kepada pensyarah.

Jadual 4.2.4(l): Kekerapan mengunjungi bilik pensyarah


Kekerapan	Frekuensi	Peratus
Sangat kerap	15	6.0
Kerap	51	20.4
Kadang-kadang	168	67.2
Tidak pernah	16	6.4
Jumlah	250	100.0

Sumber: Soal selidik 2002

Jadual di atas menunjukkan kekerapan responden mengunjungi bilik pensyarah. Berdasarkan jadual di atas, didapati sebahagian besar responden iaitu 168 (67.2%) hanya mengunjungi bilik pensyarah secara kadang-kadang sahaja.

Manakala 66 (26.4%) responden melakukannya secara kerap. Sementara itu hanya 16 (6.4%) tidak pernah mengunjungi bilik pensyarah.

Rajah 4.2.4(m): Nilai etika yang dihayati oleh pelajar UiTM masa kini



Sumber: Soal Selidik 2002

Carta palang di atas menunjukkan pandangan pelajar mengenai nilai-nilai etika yang dihayati oleh pelajar-pelajar UiTM pada hari ini adakah ianya bertepatan dengan ajaran dan nilai-nilai Islam atau pun sebaliknya. Daripada carta tersebut didapati 120 orang sampel menyatakan nilai-nilai etika yang dihayati oleh pelajar UiTM masa kini kurang sesuai dengan nilai-nilai etika Islam. Manakala 100 orang sampel menyatakan ianya bersesuaian, 20 orang sampel menyatakan tidak sesuai dan hanya didapati 10 orang sampel menyatakan ianya sangat bersesuaian.

4.3 LAPORAN HASIL KAJIAN

4.3.1 Kefahaman responden mengenai etika al-Ghazālī

Kajian menunjukkan kefahaman responden terhadap beberapa persoalan yang ditekankan oleh al-Ghazālī dalam etika adalah memuaskan meskipun majoriti sampel iaitu 236 orang (94.4%) hanyalah mengenali tokoh ini secara ringkas sahaja. (Rujuk jadual 4.2.2(a) dan rajah 4.2.2(c)). Ini bermakna, tahap sejauhmana responden mengenali al-Ghazālī tidak mempengaruhi kefahaman mereka tentang konsep etika menurut pandangan al-Ghazālī. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa tahap kefahaman responden terhadap etika al-Ghazālī adalah secara kebetulan kerana etika al-Ghazālī mewakili etika Islam dan diketahui umum dalam *literature* keislaman.

Kefahaman responden mengenai falsafah etika al-Ghazālī adalah berdasarkan jawapan-jawapan yang telah dikemukakan menerusi borang soal selidik. Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa majoriti sampel telah memberi jawapan yang tepat mengenai beberapa aspek tentang etika al-Ghazālī, iaitu dalam perkara-perkara berikut:

- Persepsi tentang makna etika menurut al-Ghazālī (rujuk jadual 4.2.2(d)).
- Maksud pembersihan jiwa menurut al-Ghazālī (rujuk jadual 4.2.2(e)).

- Aset utama yang mesti dimiliki oleh setiap individu untuk mencapai matlamat pembersihan jiwa (rujuk jadual 4.2.2(f)).
- Ilmu adalah ibadat hati (rujuk jadual 4.2.2(g)).
- Hubungan pelajar dengan guru adalah umpama hubungan antara ibubapa dan anak-anak (rujuk jadual 4.2.2(h)).
- Sifat buruk menghalang perolehi ilmu yang bermanfaat (rujuk jadual 4.2.2(i)).
- Rumusan terhadap etika al-Ghazālī (rujuk jadual 4.2.2(j)).

4.3.2 Faktor-faktor yang mendorong penghayatan etika.

Hasil kajian mendapati bahawa ibubapa adalah faktor pendorong utama ke arah membentuk tingkah laku pelajar, di samping rakan sebaya dan juga guru-guru (rujuk jadual 4.2.3(a)). Dapatan ini bersesuaian dengan apa yang telah dihuraikan oleh al-Ghazālī dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang menjelaskan bahawa ibubapa merupakan pemegang amanah dari Tuhan untuk mendidik dan membentuk keperibadian, tingkah laku serta akhlak anak-anak. Oleh itu, peranan ibubapa amat besar dalam proses mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak menurut acuan dan kemahuan mereka. Sekiranya ibubapa tidak memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang baik, maka merekalah yang akan memikul dosa.¹

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa faktor perhubungan dengan rakan sebaya menduduki tempat kedua selepas ibubapa dalam mempengaruhi tindakan

¹ Al-Ghazālī, (t.t.), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 3, Kaherah: Dar Ihyā' al-Kutub, h. 69-70.

atau perilaku seseorang pelajar di peringkat remaja. Dapatan ini menyokong pandangan al-Ghazālī yang menyatakan bahawa rakan sebaya memberi pengaruh yang amat berkesan dalam kehidupan anak-anak. Al-Ghazālī dalam hal ini mengingatkan ibubapa agar sentiasa mengawasi dan mengenal pasti dengan siapa anak-anak mereka bergaul. Menurut al-Ghazālī, jika anak-anak bergaul dengan rakan-rakan yang mempunyai akhlak yang baik, maka ia akan menjadi baik dan begitulah sebaliknya.² Al-Ghazālī juga menasihati para pelajar agar memilih rakan yang mempunyai pengetahuan agama serta akhlak yang baik dan sentiasa bersedia memberi teguran yang ikhlas untuk memperbaiki sesuatu perilaku yang bercanggah dengan nilai-nilai akhlak yang baik.³

Menurut Yang di Pertua Majlis Perwakilan pelajar UiTM, Muhammad Amyzaddin Hj. Rawa, pengaruh rakan sebaya adalah sangat kuat dalam membentuk keperibadian seseorang pelajar sehingga boleh mengatasi pengaruh yang telah ditanam oleh ibubapa.⁴ Dapatan kajian ini juga menyokong hasil kajian pakar-pakar psikologi remaja. Antaranya, Atan Long dalam bukunya *Psikologi Pendidikan* menyatakan bahawa zaman remaja seseorang merupakan zaman dimana perhubungan dengan rakan sebaya samada dari kaum sejenis atau sebaliknya menjadi lebih matang. Pada peringkat ini, persahabatan akan berlaku dengan lebih banyak ragamnya dan lebih kekal keadaannya jika dibandingkan dengan zaman kanak-kanak dahulu. Pada peringkat ini juga desakan terhadap naluri seksual mula timbul dan jika mereka tidak diberikan kesedaran tentang

² *Ibid.*

³ *Ibid.*, h. 62.

⁴ Temubual dengan pemimpin pelajar tersebut pada 18hb. Oktober 2002, pukul 11 pagi di pejabat Majlis Perwakilan Pelajar, UiTM, Shah Alam.

tanggungjawab, pendidikan akhlak dan keagamaan, maka berbagai-bagai perkara yang tidak menguntungkan masyarakat akan berlaku.⁵

Golongan remaja pada peringkat ini juga ingin mencari kebebasan dari pertalian emosi dengan ibubapa dan golongan dewasa. Walau bagaimana pun, pada peringkat ini, remaja memerlukan bimbingan daripada ibubapa dan guru-guru. Sebaliknya jika ibubapa dan guru-guru tidak memainkan peranan mereka sebagai pembimbing, maka golongan remaja ini akan bergantung semata-mata kepada rakan sebaya. Anak-anak akan beruntung sekiranya rakannya terdiri daripada remaja yang berakhlak dan bertatasusila tinggi. Sebaliknya, kalau ia tercebur di dalam pergaulan yang tidak dikehendaki, maka anak ini akan menghadapi jalan buntu dalam membentuk identiti sebenar mereka. Oleh itu, ibubapa dan guru-guru mesti mengekalkan perdampingan dengan golongan remaja dan sentiasa mengambil berat tentang kehidupan dan pergaulan mereka.⁶

Berhubung dengan persoalan ini, al-Ghazālī menekankan keperluan kepada seorang guru yang mempunyai kepakaran serta kemahiran tentang penyakit moral dan akhlak.⁷ Berdasarkan hasil kajian ini, didapati bahawa peratusan tertinggi responden bersetuju bahawa golongan ustaz dan ustazah adalah merupakan orang paling berkesan dalam memberi bimbingan kepada mereka. Selain dari itu, sebilangan pelajar merujuk masalah mereka kepada pegawai-pegawai kaunselor. (Rujuk jadual 4.2.3(c)).

⁵ Atan Long (1988), *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur: DBP, h. 52.

⁶ *Ibid.*, h. 54.

⁷ Al-Ghazālī (t.t.), *Iḥyā'*, jil. 3, *op. cit.*, h. 62.

Berhubung dengan persoalan tersebut, kajian ini juga mendapati majoriti responden bersetuju bahawa program yang paling berkesan dalam membina etika dan akhlak pelajar ialah menerusi ceramah dan tazkirah (Rujuk jadual 4.2.3(e)). Seterusnya hasil kajian ini mendapati majori responden memilih surau dan masjid sebagai kemudahan yang paling berkesan dalam membentuk keperibadian pelajar. (Rujuk jadua 4.2.3(d)). Berhubung dengan dapatan dalam kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa responden telah meletakkan peranan yang begitu besar kepada golongan cendekiawan agama dalam membimbing para pelajar ke jalan yang diredhai Allah SWT.

Di samping itu, hasil kajian mendapati wujudnya hubungkait di antara pengaruh rakan sebaya dan juga pengaruh persekitaran sosial. Berhubung dengan persoalan, ini kajian menunjukkan kedua-dua faktor ini memberi kesan positif kepada pelajar. Sebahagian besar responden memberi respon bahawa rakan sebaya mempengaruhi mereka ke arah nilai-nilai yang baik (Rujuk jadual 4.2.3(g)). Manakala peratusan tertinggi responden juga memberi respon bahawa persekitaran sosial juga membawa pengaruh kepada mereka (Rujuk jadual 4.2.3(h)).

Oleh itu, penulis merumuskan bahawa pelajar-pelajar UiTM adalah termasuk dalam kelompok masyarakat pelajar yang beruntung kerana mereka berada dalam lingkungan persekitaran sosial dan pengaruh rakan sebaya yang membawa impak positif dalam kehidupan mereka di kampus. Tetapi bagaimana pula nasib para remaja yang berada di luar lingkungan yang sentiasa terdedah kepada pengaruh persekitaran dan rakan yang tidak baik. Oleh itu al-Ghazālī

menekankan betapa perlunya ibubapa mengenal pasti dengan siapa anak-anak mereka bergaul dan juga penekanan kepada bimbingan berterusan di antara ibubapa dan guru-guru.

4.3.3 Penghayatan etika

Dari hasil penyelidikan ini mendapati tahap penghayatan etika al-Ghazālī di kalangan pelajar UiTM adalah ditahap sederhana. Dapatan ini diperolehi hasil daripada respon mereka terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam soal selidik, iaitu dalam perkara-perkara berikut:

- Sentiasa menghiasi diri dengan akhlak yang baik (Jadual 4.2.4(a)).
- Bijak menjaga kehormatan diri (Jadual 4.2.4(b)).
- Minat terhadap majlis ilmu (Jadual 4.2.4(c)).
- Mengambil berat tentang ilmu *fard 'ain* (4.2.4(d)).
- Kekerapan hadiri majlis ilmu (Jadual 4.2.4(e)).
- Solat 5 waktu (Jadual 4.2.4(g)).
- Kekerapan melakukan ibadat sunat (Jadual 4.2.4(i)).
- Hubungan dengan pensyarah (Jadual 4.2.4(j)).
- Amalan memberi salam kepada pensyarah (Jadual 4.2.4(k)).
- Kekerapan mengunjungi bilik pensyarah (Jadual 4.2.4(l)).
- Pandangan mengenai nilai-nilai etika yang dihayati oleh pelajar UiTM pada masa kini (Jadual 4.2.4(m)).

Hasil kajian ini juga menunjukkan, meskipun tahap kefahaman mereka tentang etika al-Ghazālī ditahap memuaskan, namun dari pelaksanaan mereka adalah pada tahap sederhana. Contoh yang paling menonjol ialah mengenai pelaksanaan solat 5 waktu yang termasuk dalam ibadat tunggal seseorang Muslim, didapati hanya 107 (42.8%) daripada 250 pelajar yang melaksanakan ibadat tersebut secara tetap dan di dalam waktunya. Realiti seperti ini tidak sepatutnya wujud jika mereka benar-benar komited dengan ajaran Islam, lebih-lebih lagi solat adalah termasuk dalam rukun Islam dan merupakan amalan yang pertama sekali akan dihisab di padang mahsyar kelak, sepertimana sabda Rasulullah s.a.w.:

انَّ اوَّلَ ما يحاسب به العبد بصلاته فان صلحت فقد افلح واتجح وان

فسدت فقد خاب وخسر.⁸

Maksud:

Sesungguhnya amalan yang pertama sekali akan dihisab bagi seseorang Hamba ialah dengan solatnya, jika baik (solatnya), maka ia akan berjaya dan mendapat kemenangan. Sebaliknya, jika rosak (solatnya), maka dia akan mendapat kerugian.

Selain dari itu, minat pelajar terhadap majlis-majlis ilmu juga didapati kurang memuaskan dimana mendapati hanya sejumlah 70 orang pelajar (28.0%) yang kerap menghadiri majlis-majlis ilmu, sedangkan majoriti pelajar iaitu sejumlah 166 orang (64.4%) menghadirinya secara kadang-kadang sahaja. Dalam persoalan ini, penulis melihat bahawa di sana wujud suatu

⁸ Abū 'Abd al-Rahmān Aḥmad bin Syu'aib Ibn 'Alī Ibn Baḥr Ibn Sinān Ibn Dīnār al-Nasā'ī (1994), *Sunan al-Nasā'ī*, jil. 1, no. Hadith: 465, Beirut: Maktab al-Maṭbū'ah al-Islāmiyyah, h. 232.

perkaitan di antara kekurangan minat terhadap majlis-majlis ilmu dengan tahap amalan pelajar. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada responden kajian tidak berupaya memahami dengan jelas mengenai prioriti ilmu-ilmu pengetahuan, dimana secara umumnya mereka tidak meletakkan kedudukan ilmu agama setaraf atau lebih tinggi dari kursus yang mereka pilih di universiti.

Justeru itu, penulis merasakan, jika sikap mengkesampingkan minat terhadap pengisian ilmu-ilmu agama ini berterusan dalam cara hidup pelajar-pelajar Muslim hari ini, maka ia akan melahirkan sikap dualisme dalam pemikiran mereka dan seterusnya menjadikan mereka golongan yang sibuk mengejar kerjaya dan mengkesampingkan amalan-amalan kerohanian, khususnya dalam pengisian ilmu-ilmu *farḍ 'ain*. Justeru itu, di dalam al-Qur'an Allah memperingatkan kepada setiap Muslim supaya memberi penumpuan kepada kedua-dua kepentingan, iaitu kepentingan urusan hidup di dunia dan juga akhirat. Firman Allah s.w.t.:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا.

Maksud:

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.

Sūrah al-Qaṣaṣ(20): 77.

Berhubung dengan persoalan di atas, al-Ghazālī memberi panduan khusus kepada para pelajar dengan mengemukakan contoh tentang nilai ilmu agama dengan ilmu-ilmu lain, khususnya ilmu-ilmu di bidang *farḍ kifāyah*.

Contohnya, ilmu kedoktoran. Menurut al-Ghazālī, dari segi prioritinya ilmu agama lebih mulia kedudukannya daripada ilmu kedoktoran kerana ilmu agama adalah untuk bekal hidup yang kekal abadi, sedangkan ilmu kedoktoran untuk kesejahteraan hidup di dunia yang fana'. Sebaliknya, jika ditinjau dari segi kegunaan, maka ilmu kedoktoran dilihat lebih mulia daripada ilmu matematik.⁹ Perbandingan yang dibuat oleh al-Ghazālī ini adalah untuk memberi garis panduan kepada pelajar dalam memberi penilaian yang sewajarnya terhadap ilmu-ilmu agama yang semakin terpinggir dalam arus perdana masa kini.

Berhubung dengan persoalan di atas juga, al-Ghazālī dalam etika beliau sentiasa memperingatkan golongan pelajar tentang pertautan yang erat di antara ilmu dan amal. Antara lain al-Ghazālī memperingatkan golongan terpelajar bahawa walau seratus tahun anda mengkaji ilmu, namun ia bukanlah suatu jalan untuk mendapat rahmat dari Tuhan kecuali dengan amal.¹⁰

Sementara itu, dari segi penghayatan akhlak serta kawalan kehormatan diri, sebilangan besar pelajar mengakui mereka sentiasa mengamalkan tingkah laku yang baik dan bijak mengawal kehormatan diri mereka (Jadual 4.2.4(a) dan (4.2.4(b))). Namun begitu, sebilangan besar pelajar mengakui bahawa nilai-nilai etika yang dihayati oleh pelajar-pelajar UiTM pada masa kini kurang bersesuaian dengan nilai-nilai etika Islam (Jadual 4.2.4(m)). Hal ini juga diakui oleh Amyzaddin Hj. Rawa dimana

⁹ Lihat disertasi ini, bab 3, "Ilmu dan Amal".

¹⁰ Lihat Disertasi ini, *ibid.*.

menurut beliau penghayatan nilai-nilai akhlak Islam di kalangan pelajar-pelajar UiTM masa kini kurang menyerlah walaupun sebahagian besar mereka mengamalkan ajaran Islam dari segi peribadatan khusus seperti solat, puasa dan sebagainya. Pelajar-pelajar juga tidak memberi sambutan yang menggalakkan kepada aktiviti-aktiviti keagamaan seperti program ceramah, forum dan sebagainya yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar.¹¹

4.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa kefahaman pelajar UiTM terhadap beberapa aspek dalam falsafah etika al-Ghazālī adalah pada tahap memuaskan. Begitu juga mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku mereka juga bersesuaian dengan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh al-Ghazālī. Namun, dari segi penghayatan etika yang bertepatan dengan etika al-Ghazālī, mereka berada pada tahap sederhana.

¹¹ Temubual dengan beliau pada 18hb. Oktober pukul 11 pagi di pejabat Majlis Perwakilan pelajar UiTM, Shah Alam.